

## Mak Nani sifatkan Pameran 100 Tahun Sinema Malaysia 'tidak cukup', kurang

Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid  
khairil.ashraf@hmetro.com.my



MENTERI Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (tiga, kanan) melawat ruang Pameran 100 Tahun Sinema Malaysia di Muzium Negara hari ini. FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Seniwati Datuk Rosnani Jamil menyifatkan Pameran 100 Tahun Sinema Malaysia anjuran Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sebagai 'tidak cukup' atau ada kekurangan.

Rosnani atau lebih mesra dipanggil Mak Nani, 87, berkata, ini disebabkan pelakon perfileman era awal iaitu tahun 40-an tidak ditonjolkan menerusi pameran yang berlangsung selama dua bulan bermula 22 Mei lalu.

Beliau turut menyebut nama pelakon era 40-an seperti Kasma Boothy, Datuk S Roomai Noor, Siput Sarawak yang terlebih dahulu terabit dalam perfileman di negara ini seperti gambar atau barang-barang mereka tidak dipamerkan.

Katanya, pihak yang menganjurkan pameran ini perlulah berusaha untuk menghubungi keluarga atau waris pelakon berkenaan.

"Soalnya begini. Hendak atau tak nak. Kalau hendak seribu daya, kalau tak hendak apakan daya.

"Misalnya gambar S Roomai Noor dan (Datin) Umi Kalthum, anaknya ada (iaitu) Noor Kumalasari. Jumpa mereka.

"Ini sejarah, (pameran) yang dibuat hari ini cantik, cuma tak cukup sahaja," katanya ketika ditemui pemberita di JMM hari ini.

Terdahulu, Pameran 100 Tahun Sinema Malaysia ini telah dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Pameran ini diadakan bagi mengangkat martabat dan meraikan sejarah perfileman negara yang telah bermula sejak awal tahun 1930-an.

Ia bukan sahaja menyentuh mengenai aspek sejarah perkembangan perfileman negara, tetapi turut memaparkan penggunaan teknologi, tokoh atau individu yang terabit sama ada pengarah, penerbit, seniman atau seniwati daripada pelbagai kaum, filem pecah panggung termasuklah yang dianggap malar segar dan diterima sepanjang zaman.

Selain itu, sebanyak 109 koleksi berkaitan sinema di Malaysia turut dipamerkan antaranya adalah kerusi pengarah Tan Sri P Ramlee dan trofi *Most Versatile* yang dimenangi oleh beliau dalam filem *Ibu Mertuaku*.

Selain itu, turut dipamerkan adalah alat-alat perfileman yang pernah digunakan pada era 1940-an, kostum, poster, koleksi peribadi pelakon Datuk Aziz Satar, Datuk Jamil Sulong dan Rosnani serta pelbagai lagi koleksi menarik untuk tontonan masyarakat.

Rosnani berkata, teguran yang dibuatnya itu adalah ikhlas kerana pameran ini membabitkan aspek sejarah dan informasi perfileman negara.

"Ini (semua) informasi. Anda semua (pun ada yang) tak tahu Kasma Boothy itu siapa.

"Pameran (ini) tak cukup. Sayang, dah keluar duit, dah uruskan tapi perkara itu tak kesampaian," katanya.

Sementara itu, pengarah terkenal, Datuk Yusof Haslam pula mencadangkan pameran seperti ini dianjurkan setiap satu dekad bagi memberikan informasi kepada generasi baru mengenai sejarah perfileman negara.

"Setiap 10 tahun atau satu dekad harus dibuat pameran sebegini. Supaya generasi baru ini mereka tak lupa," katanya.